

UMS Meterai MoU Bersama CUCMS, Fokus Kerjasama Bidang Ilmu Perubatan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 April 2018 18:17 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 401

Kongsi 5

Syorkan 5

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 12 APRIL – Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari ini telah memeterai satu perjanjian kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU) bersama Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) yang akan memfokuskan

kerjasama kedua-dua pihak dalam bidang ilmu perubatan.

Perjanjian tersebut dimeterai dalam satu Majlis Menandatangani MoU antara UMS dan CUCMS di Cafe D'Sireh, UMS.

UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menandatangani dokumen MoU tersebut, manakala CUCMS diwakili oleh presidennya, Prof. Dato' Dr. Mohamad Abdul Razak, sambil turut disaksikan ahli lembaga pengarah UMS, Datuk Dr. Haji Yusuf Yacob dan Datuk John Maluda.

Melalui kerjasama tersebut, UMS melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) akan mengadakan kerjasama dalam bidang perubatan dan bidang psikologi, program mobiliti pelajar, penganjuran seminar dan latihan bersama, serta aktiviti penyelidikan dan pengawasan pelajar bersama.

CUCMS merupakan universiti penjagaan kesihatan peringkat tinggi di Malaysia, dengan universiti tersebut menawarkan lebih daripada 20 program di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, dan ijazah doktor falsafah dalam pelbagai bidang ilmu antaranya sains perubatan, sains farmaseutikal, psikologi, fisioterapi, sains perubatan, dan kejuruteraan bioperubatan.